



## **Syarat & Peraturan Peraduan Penganjur & Kelayakan**

- 1 Peraduan MILO® “Sikit-sikit, lama-lama jadi bukit!” [“Peraduan”] dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] [“pihak Penganjur”] dan terbuka kepada semua penduduk Malaysia yang berusia 7 tahun ke atas pada 01/11/2008.
- 2 Peserta yang berusia diantara 7 ke 17 tahun mesti melengkapkan butir-butir ibubapa atau penjaga untuk layak menyertai. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pembatalan penyertaan.
- 2 Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
  - (a) Kakitangan pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
  - (b) Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

## **Tempoh**

- 1 Peraduan ini akan berlangsung dari 01/11/2008 hingga 02/01/2009 [“Tempoh Peraduan”]. Pihak Penganjur berhak untuk membuat pindaan ke atas Tempoh Peraduan pada bila-bila masa. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan.

## **Penghantaran Penyertaan & Kriteria Kelayakan**

- 1 Setiap pembelian pek MILO® UHT yang turut serta melayakkan anda untuk menyertai Peraduan ini. Sila rujuk kepada Jadual Bukti Pembelian [“Jadual BP”] untuk senarai produk yang turut serta dan bukti pembelian [“Bukti Pembelian”] yang diperlukan untuk menyertai Peraduan ini.
- 2 Setiap penyertaan yang dihantar mesti diisi secara individu dan original, lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki, jumlah pek MILO® UHT yang betul dalam gambar yang dipaparkan dalam borang penyertaan, dan mesti disertakan dengan Bukti Pembelian yang dikehendaki. Borang penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau tidak tepat, penyertaan dengan jawapan yang salah, penyertaan dengan Bukti Pembelian yang salah dan/atau rosak akan dibatalkan.
- 3 Setiap peserta layak/berhak menghantar lebih daripada 1 [satu] borang penyertaan tetapi setiap borang penyertaan mesti disertakan dengan 1 [satu] Bukti Pembelian yang dikehendaki di dalam 1 [satu] sampul surat. Sampul surat yang mengandungi borang penyertaan dan/atau Bukti Pembelian berganda akan dibatalkan. Salinan fotostat borang penyertaan diterima, dengan syarat setiap borang penyertaan mesti diisi secara individu dan original.
- 4 Setiap borang penyertaan mesti dikirim/dihantar menerusi pos biasa ke alamat yang dinyatakan. Setiap borang penyertaan yang diterima melalui khidmat penghantaran, perkhidmatan kurier, POS Laju dan/atau lain-lain bentuk penghantaran selain pos biasa akan terbatal secara automatik. Bukti pos borang penyertaan tidak dianggap sebagai bukti penerimaan oleh pihak Penganjur.
- 5 Setiap borang penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan akan diperuntukkan bilangan nombor bersiri seperti mana dinyatakan dalam Jadual BP.

## Hadiah

- 1 Hadiah bagi Peraduan ini dibahagikan kepada 2 [dua] kategori.
- 2 Kategori Pertama: 5 [lima] Hadiah Mingguan X 9 [sembilan] minggu:
  - (a) Terdapat sejumlah 5 [lima] Hadiah Mingguan untuk dimenangi setiap minggu sepanjang Tempoh Peraduan. Tempoh mingguan adalah seperti berikut:
    - Minggu 1: 01/11–07/11/08 • Minggu 2: 08/11–14/11/08 • Minggu 3: 15/11–21/11/08
    - Minggu 4: 22/11–28/11/08 • Minggu 5: 29/11–05/12/08 • Minggu 6: 06/12–12/12/08
    - Minggu 7: 13/12–19/12/08 • Minggu 8: 20/12–26/12/08 • Minggu 9: 27/12–02/01/09
  - (b) Jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan setiap minggu akan dibahagikan dengan 5 [lima] untuk memperolehi nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Mingguan. Nombor bersiri penyertaan yang menang ialah nombor bulat terdekat lebih rendah yang diperolehi daripada pembahagian tersebut.  
Contoh:  
Jika jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan untuk Minggu 1 ialah 5,888 penyertaan, maka jumlahnya akan dibahagikan 5 [lima] untuk memperolehi nombor bersiri kemenangan. Penyertaan dengan nombor bersiri ke-1,177 akan ditentukan sebagai nombor bersiri kemenangan yang pertama dan seterusnya.
  - (c) 5 [Lima] nombor bersiri kemenangan bagi setiap minggu akan memenangi Hadiah Mingguan berupa sebuah Nintendo DS Lite dan Akaun Simpanan Hong Leong Bank bernilai RM200.00 [Ringgit Malaysia dua ratus].
  - (d) Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 [satu] Hadiah Mingguan setiap minggu dengan had maksima 2 [dua] Hadiah Mingguan sepanjang Tempoh Peraduan. Sekiranya seseorang peserta memenangi 2 [dua] atau lebih hadiah, hadiah selebihnya akan dimenangi oleh nombor bersiri lebih tinggi seterusnya secara berturutan. Pada akhir Tempoh Peraduan, terdapat sejumlah 45 [empat puluh lima] Hadiah Mingguan untuk dimenangi.
- 3 Kategori Kedua: 108 [seratus lapan] Hadiah-hadiah Utama:
  - (a) Hadiah-hadiah Utama merupakan 1 [satu] Hadiah Pertama, 2 [dua] Hadiah Kedua, 5 [lima] Hadiah Ketiga dan 100 [seratus] Hadiah Saguhati.
  - (b) Jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan sepanjang Tempoh Peraduan akan:
    - dibahagikan dengan 3 [tiga] untuk memperolehi nombor bersiri terpilih bagi Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua.
    - dibahagikan dengan 5 [lima] untuk memperolehi nombor bersiri terpilih bagi Hadiah Ketiga.
    - dibahagikan dengan 100 [seratus] untuk memperolehi nombor bersiri terpilih bagi Hadiah Saguhati.Nombor bersiri penyertaan yang terpilih ialah nombor bulat terdekat lebih rendah yang diperolehi daripada pembahagian tersebut.  
Contoh:  
Jika jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Tempoh Peraduan ialah 96,664 penyertaan, maka jumlahnya akan dibahagikan 3 [tiga] untuk memperolehi nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua. Penyertaan dengan nombor bersiri ke-32,221 akan ditentukan sebagai nombor bersiri kemenangan yang pertama dan seterusnya.
  - (c) Nombor bersiri kemenangan pertama akan memenangi Hadiah Pertama merupakan Akaun Simpanan Tetap Hong Leong Bank bernilai RM10,000 [Ringgit Malaysia sepuluh ribu]. Nombor bersiri kemenangan kedua dan ketiga akan memenangi Hadiah Kedua merupakan Akaun Simpanan Tetap Hong Leong Bank bernilai RM5,000 [Ringgit Malaysia lima ribu] setiap satu.
  - (d) Nombor-nombor bersiri kemenangan Hadiah Ketiga akan memenangi Akaun Simpanan Tetap Hong Leong Bank bernilai RM2,000 [Ringgit Malaysia dua ribu] setiap

satu.

- (e) Nombor-nombor bersiri kemenangan Hadiah Saguhati akan memenangi sebuah beg MILO® - Geng Bas Sekolah edisi terhad setiap satu.
  - (f) Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 [satu] Hadiah-hadiah Utama sahaja. Sekiranya seseorang peserta memenangi 2 [dua] atau lebih hadiah, hadiah selebihnya akan dimenangi oleh nombor bersiri lebih tinggi seterusnya secara berturutan. Pada akhir Tempoh Peraduan, terdapat sejumlah 108 [seratus lapan] Hadiah-hadiah Utama untuk dimenangi.
- 4 Pemenang akan diberitahu melalui pos. Semua hadiah mesti dituntut dalam tempoh 3 [tiga] bulan dari tarikh pemberitahuan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab jika pemberitahuan pos kepada pemenang tidak diterima atau lewat diterima. Senarai pemenang juga akan diumumkan di laman web pihak Penganjur [www.milo.com.my].
  - 5 Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.
  - 6 Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak yang mengurus dan/atau menyediakan hadiah dan juga terma dan syarat yang disertakan dengan hadiah berkenaan, jika ada.

#### **Liabiliti & Tanggungjawab**

- 1 Peserta dan pemenang akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kematian] kerana mengambil bahagian dalam Peraduan serta semasa mengambil dan/atau menggunakan hadiah dan bersetuju bahawa Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti dan melepaskannya daripada sebarang tanggungan.
- 2 Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan dan menuntut hadiah adalah tanggungjawab tunggal peserta-peserta dan pemenang-pemenang sepenuhnya.

#### **Hak Penganjur**

- 1 Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau perdagangan dan/atau publisiti dan pemenang tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.

#### **Terma & Syarat**

- 1 Syarat & Peraturan ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya wujud ketidakseragaman antara kedua-dua versi tersebut, maka, Syarat & Peraturan dalam Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 2 Keputusan Pengadil adalah muktamad dan surat-menyurat tidak akan dilayan.
- 3 Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat & Peraturan Peraduan ini, serta keputusan pihak Penganjur.